

## **PEMBANGUNAN APLIKASI/PRODUK DATA MELALUI CHIPTA 2020**

### **Apakah Produk Data?**

Produk Data merupakan hasil inovasi yang dibangun bersumberkan Data Terbuka. Negara-negara peneraju Data Terbuka seperti Great Britain dan Kesatuan Eropah telah berjaya membangunkan produk data berkualiti tinggi yang dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan disamping menjana ekonomi digital yang berpacuan data selain meningkatkan kesejahteraan rakyat. Selain itu, produk data turut dihasilkan oleh para akademia, pelajar sekolah dan komuniti bisnes melalui penerbitan laporan-laporan kajian, pembangunan aplikasi mudah alih, laman-laman web dan aplikasi komputer yang berpacuan Data Terbuka. Di Malaysia, aplikasi seperti *Dengue Alert* yang menyediakan pelbagai maklumat berkaitan ancaman denggi serta aplikasi EZ4OKU yang menyediakan aplikasi bagi membantu golongan kurang upaya merupakan antara inovasi produk data yang dihasilkan melalui inisiatif Data Terbuka.

### **Mengapa Produk Data Dibangunkan?**

Kerajaan khususnya MAMPU telah mengadakan berbagai program libat urus, seminar dan pameran untuk memberi penerangan dan kesedaran kepada agensi kerajaan, swasta, akademia, komuniti dan rakyat berkaitan Data Terbuka. Penglibatan kumpulan dari luar agensi kerajaan telah meningkat hasil pemerhatian dari peningkatan bilangan set data yang mereka akses, muat turun, permohonan set data baharu dan permohonan untuk mengadakan temu bual dengan pihak kerajaan. Kesemua inisiatif ini dilaksanakan sejajar dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam (PSICTSA) 2016 – 2020 yang telah dibangunkan untuk menyokong kejayaan pelaksanaan Program Transformasi Nasional serta mempertingkatkan sistem penyampaian agensi Sektor Awam. Mesyuarat Jawatankuasa Peneraju National Key Economy Area (NKEA) Communications Content and Infrastructure (CCI) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia pada 29 Mei 2014 telah memutuskan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk melaksanakan Pembangunan Platform Data Terbuka Sektor Awam. Selaras dengan itu, bagi merealisasikan hasrat Kerajaan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Ogos 2014 telah bersetuju supaya agensi sektor awam melaksanakan inisiatif data terbuka. Produk Data merupakan output yang dapat melonjakkan lagi manfaat dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar berpacuan Data Terbuka.


### **Objektif**

Objektif Pembangunan Produk Data adalah seperti berikut:

- (i) penciptaan produk data yang kreatif, berkualiti dan berinovasi.
- (ii) memanfaatkan keupayaan Data Terbuka dalam penghasilan produk.

- (iii) menggalakkan inovasi Data Terbuka dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.
- (iv) meningkatkan *ranking Online Service Index (OSI)* melalui penganjuran program secara *crowdfunding* iaitu dengan kerjasama rakan strategik.

**Rangka Kerja ICT Sektor Awam adalah seperti di rajah dibawah:**



### **Apakah Impak Yang diperolehi Melalui Pembangunan Produk Data?**

Pelaksanaan Inisiatif Data Terbuka telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) melalui Bab 9, Strategi A3: memanfaatkan data bagi meningkatkan *outcome* dan mengurangkan kos. Pelaksanaan Data Terbuka dalam kalangan agensi membolehkan data digunakan untuk analisis yang lebih berkesan, mendapatkan maklum balas daripada orang awam secara interaktif dan menggalakkan penggunaan data kerajaan secara inovatif.

## CHIPTA 2020

CHIPTA merupakan singkatan kepada CHallenge on Innovation and Problem solving through Technology Advancement adalah merupakan satu program Hackathon anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang menggabungkan program Hackathon Data Terbuka dan Hackathon Aplikasi Mudah alih secara atas talian yang telah dilaksanakan secara berasingan sebelum ini.

Terdapat empat (4) kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Sektor Awam, Kategori Orang Awam/Industri, Kategori Pelajar Institusi Pengajian Tinggi dan Kategori Pelajar Sekolah Menengah. Pada tahun ini, MAMPU telah menerima sebanyak 155 penyertaan.

Pada edisi kali ini, format penilaian juga telah ditambahbaik dengan memperkenalkan dua (2) peringkat penilaian. Penilaian peringkat pertama telah diadakan bagi memilih 10 pasukan terbaik dalam setiap kategori. 10 pasukan ini kemudiannya dinilai dalam penilaian peringkat akhir di mana sesi persembahan produk/aplikasi yang dibangunkan akan dipersembahkan. Memandangkan pandemik Covid 19 yang sedang melanda dunia ketika ini, persembahan pasukan dilaksanakan secara *Video Conference*.

Hasilnya, sebanyak 40 produk data/aplikasi berkualiti telah dapat dihasilkan oleh 40 pasukan yang telah melayakkan diri ke peringkat akhir. Peningkatan kualiti dalam aspek kerelevanan fungsi, keberkesanan penggunaan data, paparan dan rekabentuk produk data/aplikasi, teknik persembahan serta potensi penambahbaikan produk data/aplikasi merupakan antara faktor yang dipertimbangkan dalam penilaian penyertaan.